# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 25 MAC 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | BIGGEST FARM TO MEET CHINA DEMAND, NEWS WITHOUT BORDERS, SUN -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | 150 USAHAWAN MUDA SERTAI KURSUS USAHAWAN TANI, NASIONAL, SH -13 | |
| 3. | REZEKI KETAM LEMBUT, STAIL, UTUSAN SARAWAK -2 | |
| 4. | BIOUSAHAWAN 2019 MEMACU SEKTOR AGRO MODEN, LESTARI, DAN BERDAYA SAING, NEWS, PREBIU -10 | |
| 5. | KURANGKAN KEROSAKAN INSFRASTRUKTUR, NASIONAL, SH -13 | |
| 6. | ISU KERINGAT NELAYAN, PENDATANG ASING KAUT UNTUNG DIBAWA KE KABINET, NEWS, BERITA HARIAN -3 | |
| 7. | HIGH PRICE OF FISH, FATE OF FISHERMAN DISCUSSED IN CABINET, NEWS, BERNAMA, -4 | |
| 8. | ISU HARGA IKAN TINGGI, NELAYAN DITINDAS DIBAWA KE KABINET, NEWS, SH -7 | |
| 9. | ISU HARGA IKAN TINGGI, NELAYAN DITINDAS DIBAWA KE KABINET, NEWS, SAWARAK VOICE -10 | |
| 10. | ISU HARGA IKAN TINGGI, NELAYAN DITINDAS DIBAWA KE KABINET, NEWS, KOSMO -4 | |
| 11. | 3 KEMENTERIAN BERTINDAK, EKSKLUSIF, BH -1 | |
| 12. | PENGUAKUASAAN BERSEPADU 3 KEMENTERIAN, LAPORAN KHAS, BERITA HARIAN -8<br>DBKL PANTAU PEMBORONG, PENYEWA LOT NIAGA, LAPORAN KHAS, BERITA HARIAN -8 | |
| 13. | 3 KEMENTERIAN PERLU CARI JALAN HAPUS PERAIH WARGA ASING, MINDA PENGARANG, BH -10 | |
| 14. | PERAIH 'TALIAN HAYAT' KEBANYAKAN NELAYAN, LAPORAN KHAS,BH -9 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYISA (LKIM) |
| 15. | NELAYAN, PEMBEKAL HASIL LAUT DAPAT JIMATKAN KOS, FOKUS HARI INI, SH -34 | |
| 16. | 'RATION WHEN DAM LESS THAN 50PC FULL', NATION, NST -6 | LAIN – LAIN |
| 17. | ERRANT PET OWNERS TO FACE BRUNT OF THE LAW, NATION, STAR -11 | |
| 18. | SIMPANAN EMPANGAN AIR ITAM HANYA BERTAHAN 48 HARI, KEMARAU,BH -14 | |
| 19. | MUHAMMAD FADHLAN PENERIMA ANUGERAH PESAWAH BELIA, GENK, KOSMO -27 | |
| 20. | RUGI CILI ROSAK, SETEMPAT, HARIAN METRO -10 | |
| 21. | JUAL 600KG TEMBIKAI SEHARI, SETEMPAT, HARIAN METRO-11 | |
| 22. | KELANTAN'S BIGGEST DAM DRYING UP, NEWS, NST -7 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/3/2019 | SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 4 |



Wan showing a prime durian from his farm in Raub, Pahang. – *AMIRUL SYAFIQ/THESUN*

# Bigger farm to meet China demand

**KUALA LUMPUR:** Newleaf Plantation Bhd, a major exporter of durian, plans to meet an expected increase in demand from China by expanding its acreage by more than 400ha within a year.

Newleaf currently has 20.2ha of orchards planted with premiere varieties of durian such as Musang King and D24 in Raub, Pahang.

Newleaf managing director Kenny Wan said the company aims to meet demand for more Musang King durians from Beijing, Shanghai and Guangzhou.

"Currently, less than 1% of China's population have tasted durians. Yet, they are already the third largest buyers in terms of import value," he said at Newleaf's headquarters in Mont Kiara last week.

On March 13, the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry announced the government plans to export 223,716 tonnes of frozen durian, valued at RM350 million, to China this year.

Wan's foray into the durian business was sparked by a visit to a friend's orchard in Kuantan four years ago.

On his return, the former business analyst began researching potential markets in China.

"Together with a few friends, I purchased 50 acres of freehold land in Raub where we now have 2,800 trees," he said.

He also found a partner in China to take charge of the country's market and Newleaf now exports six tonnes of durian to China every two months.

To ensure the highest quality, the plantation is equipped with an intelligent farming system that includes sensors to detect temperature and humidity, soil condition, moisture and pH value to ensure the trees remain healthy.

Among the data available are photos of the trees taken monthly, as well as a history of the tree's health, harvest schedules, fertilisation and irrigation.

For more information on the company and its durian, visit www.newleaf.com.my.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 150 usahawan muda sertai Kursus Usahawan Tani | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 13 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 221 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,770 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,309 |



# 150 usahawan muda sertai Kursus Usahawan Tani

**KOTA BHARU** - Seramai 150 peserta telah mengikuti Kursus Usahawan Tani anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sempena Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Kelantan 2019, kelmarin.

Kursus yang di Auditorium Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) Lundang itu bertujuan menggalakkan orang ramai khususnya anak muda menceburi bidang pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, jumlah peserta agropreneur muda bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seramai 4,627 orang dengan nilai bantuan RM81.2 juta.

"Bagi Kelantan pula jumlah peserta agropreneur muda seramai 242 orang dengan nilai bantuan RM4.1 juta.

"Ia melibatkan 71 orang bagi kluster tanaman dengan bantuan RM 1.06 juta, kluster ternakan 78 orang (RM1. 60 juta), kluster perikanan 21 orang (RM400,000) dan kluster industri asas tani 72 peserta (RM1. 40 juta)," katanya kepada pemberita.

Mengulas mengenai masalah kemarau dalam kawasan KADA, beliau berkata, pihak kementerian telah berbincang dengan Jabatan Meteorologi dan ia dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat.



**Mohd Sallehuddin (dua, kanan) dan Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris (kanan) meraikan peserta-peserta kursus.**

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | \`Rezeki\` ketam lembut | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | STAIL | Circulation | 37,981 |
| Page No | 2 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 528 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,728 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 5,184 |




# 'Rezeki' ketam lembut

HANYA bermodalkan RM700 daripada wang saku sendiri untuk mengusahakan penternakan ketam lembut pada November 2013, seorang bekas pemandu kini berjaya meraih pendapatan sehingga RM7,500 sebulan.

Suhaili Abdurahman, 39, dari Kampung Bambangan, Sandakan yakin dengan potensi usahanya itu dan semangat gigih untuk meneruskan perniagaannya sehingga berjaya, walaupun dengan enam sangkar kecil pada permulaannya.

"Selepas tamat persekolahan sehingga selesai peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, saya ada cuba untuk memohon pekerjaan di jabatan kerajaan, tetapi nasib tidak menyebelahi saya.

"Jadi, saya memohon di syarikat swasta dan menjadi seorang pemandu. Namun, kerinduan saya pada laut mendorong saya untuk mencari pekerjaan lain yang mendekatkan saya kepada laut," katanya ketika ditemui semasa lawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub di pelantar penternakan terletak di perairan kampungnya itu baru-baru ini.

Bapa kepada tiga anak itu berkata, dia mendapat inspirasi untuk mengusahakan penternakan ketam lembut selepas melihat seorang rakannya menjalankan usaha sama dan melalui pengetahuan yang ditimba menerusi carian di internet. Kemudian, dia bertekad untuk memulakan usaha itu, walaupun masih bekerja sebagai seorang pemandu lori.

"Selepas tujuh bulan menjalankan penternakan ketam lembut, saya melihat ada kemajuan dalam perniagaan ini dan saya menyuntik RM3,500 lagi daripada duit saya sendiri untuk mengembangkan perniagaan saya kepada 25 petak (sangkar).

"Pada 2015, saya mengambil keputusan untuk berhenti kerja (sebagai pemandu) bagi memberi fokus kepada perniagaan saya," katanya.

Pada 2017, Suhaili berkata dia mendapat tajaan daripada Jabatan Perikanan menerusi program Penternak Ladang Akuakultur Contoh (PLAC) yang memberikan bantuan seperti bot, enjin sangkut, peralatan kayu, sangkar dan pondok terapung serta kursus.

Kini, Suhaili mengusahakan 38 sangkar ketam lembut dan makanan laut seperti kupang, ikan merah, ikan putih dan kerapu.

Menurutnya, dia menjual antara 200-500 kilogram ketam lembut sebulan kepada pemborong dan restoran makanan laut di sekitar Sandakan.
– Bernama



SALAHUDDIN (kanan) dan isteri Datin Fatimah Taha (dua, kiri) melihat ketam lembut yang diternak Suhaili Abdurahman (dua, kanan) ketika melawat projek ternakan ketam lembut dalam sangkar di Kampung Bambangan di Sandakan baru-baru ini. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | BioUsahawan 2019 Memacu Sektor Agro Moden, Lestari Dan Berdaya Saing | | |
| MediaTitle | Prebiu (prebiu.com) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# BioUsahawan 2019 Memacu Sektor Agro Moden, Lestari Dan Berdaya Saing

BioUsahawan 2019 pertama bermula dengan pelancaran produk enam syarikat Status BioNexus, pertukaran dokumen dan pelancaran model Program Pembangunan Komuniti Bioeconomi (BCDP) 2.0.
ACARA yang dianjur dengan kerjasama Kementerian Pertanian & Industri Asas...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 13 |

# Kurangkan kerosakan infrastruktur

***CSR Tani pupuk kesedaran jaga kebersihan kawasan sawah padi***

MOHD TAHA YAACOB

BESUT

Aktiviti gotong-royong dalam kalangan pesawah dan menjaga kemudahan di kawasan sawah harus menjadi amalan bagi memastikan mereka memperoleh hasil tinggi.

Ketua Setiausaha Kementerian Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Tani seperti diadakan di Skim Pengairan Pelagat (SPP) dekat Jertih di sini kelmarin, dapat memupuk rasa tanggungjawab untuk sentiasa menjaga kawasan masing-masing.

Menurutnya, apabila infrastruktur dalam keadaan baik, sudah tentu ia meminimumkan kerosakan seterusnya risiko berdepan bekalan air tidak sampai dapat dikurangkan.

"CSR Tani yang diadakan hari ini (kelmarin) memberi fokus aktiviti pembersihan di kawasan tali air dan parit.

"Program ini berkonsep gotong-royong untuk membersihkan semak-samun di tepi dan dalam parit yang turut mengganggu kelancaran air masuk ke petak sawah.

"Ia melibatkan kerjasama pesawah dan agensi membabitkan keseluruhan 408 petani di SPP berkeluasan 711 hektar dan keseluruhan tali air sepanjang 10 kilometer.

"Kawasan ini telah mengalami masalah bekalan air ke sawah padi melibatkan keluasan 50 hektar membabitkan 50 pesawah dari Kampung Gong Penaga, Kenjing, Air Terjun dan Alor Selinsing," katanya.



Sallehuddin (tengah) menebas rumput rampai di tebing parit tali air di SPP kelmarin.



Pesawah mengadu masalah yang dihadapi kepada Sallehuddin (kanan).



Mohd Sallehuddin dibawa rombongan bermotosikal untuk meninjau kawasan sawah.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai CSR tersebut bertempat di Kampung Air Terjun, di sini kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) kementerian, Dr Zunika Mohamed; Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali; Pemangku Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Zulkepli Amin Yusof dan Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA Ketara), Fatimah Hamid.

Sallehuddin berkata, masalah ini berlaku akibat parit tali air sedia ada mengalami kerosakan dan terdapat halangan menyebabkan air tidak sampai ke petak sawah.

Menurutnya, program ini adalah langkah sementara untuk mengatasi masalah tersebut manakala utuk jangka masa panjang, kementerian telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi kerja menaik taraf sistem perparitan di skim tersebut yang akan bermula Jun ini.

"Pada asasnya CSR Tani ini dapat memupuk kesedaran antara kementerian, petani dan masyarakat dalam menjaga kebersihan kawasan sawah padi secara berterusan, sekali gus membantu menampung kekurangan kos membabitkan kerja pencucian infrastruktur berkaitan," katanya.

Program separuh hari itu melibatkan pelbagai agensi antaranya IADA Ketara, Pejabat Pertanian Daerah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pejabat Daerah dan pelbagai agensi lain.

## 150 usahawan muda sertai Kursus Usahawan Tani

KOTA BHARU - Seramai 150 peserta telah mengikuti Kursus Usahawan Tani anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sempena Jelajah Agropreneur Muda Peringkat Negeri Kelantan 2019, kelmarin.

Kursus yang di Auditorium Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) Lundang itu bertujuan menggalakkan orang ramai khususnya anak muda menceburi bidang pertanian.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan berkata, jumlah peserta agropreneur muda bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seramai 4,627 orang dengan nilai bantuan RM81.2 juta.

"Bagi Kelantan pula jumlah peserta agropreneur muda seramai 242 orang dengan nilai bantuan RM4.1 juta.

"Ia melibatkan 71 orang bagi kluster tanaman dengan bantuan RM 1.06 juta, kluster ternakan 78 orang (RM1. 60 juta), kluster perikanan 21 orang (RM400,000) dan kluster industri asas tani 72 peserta (RM1. 40 juta)," katanya kepada pemberita.

Mengulas mengenai masalah kemarau dalam kawasan KADA, beliau berkata, pihak kementerian telah berbincang dengan Jabatan Meteorologi dan ia dijangka dilaksanakan dalam masa terdekat.



Mohd Sallehuddin (dua, kanan) dan Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris (kanan) meraikan peserta-peserta kursus.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu keringat nelayan, pendatang asing kaut untung dibawa ke Kabinet | | |
| MediaTitle | Berita Harian Online(www.bharian.com.my) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 3 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,500 |

# Isu keringat nelayan, pendatang asing kaut untung dibawa ke Kabinet

PUTRAJAYA: Pendedahan BH mengenai kegiatan pendatang asing mengaut untung besar atas keringat nelayan tempatan akan dibawa ke mesyuarat Kabinet di Langkawi, Jumaat ini.
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasutio...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | High price of fish, fate of fishermen discussed in Cabinet | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# High price of fish, fate of fishermen discussed in Cabinet

PUTRAJAYA, March 25 (Bernama) -- The issue of higher price of fish, yet fishermen are not their just due will be taken to the Cabinet meeting in Langkawi, Kedah, this Friday, said Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet

Saifuddin Nasution (dua,kanan) melawat ruang gerai pameran pada Pelancaran Program Citarasa Malaysia di Kementeriannya hari ini. - Foto Bernama
APUTRAJAYA - Isu peningkatan harga ikan sedang nelayan tidak mendapat bayaran setimpal untuk hasil tangkapan m...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet | | |
| MediaTitle | Sarawak Voice (sarawakvoice.com) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet

PUTRAJAYA: Isu peningkatan harga ikan sedang nelayan tidak mendapat bayaran setimpal untuk hasil tangkapan mereka, akan dibawa untuk perbincangan Kabinet di Langkawi pada Jumaat ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet | | |
| MediaTitle | Kosmo(www.kosmo.com.my) | | |
| Date | 25 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,800 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,400 |

# Isu harga ikan tinggi, nelayan ditindas dibawa ke Kabinet

Pelbagai kementerian perlu bekerjasama untuk menyelesaikan masalah dihadapi nelayan. - Gambar hiasan
PUTRAJAYA - Isu peningkatan harga ikan sedang nelayan tidak mendapat bayaran setimpal untuk hasil tangkapan mereka, akan dibawa untuk perbincangan Kabine...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | BERITA HARIAN | EKSKLUSIF | 1 |

**NELAYAN PERAH KERINGAT, PENDATANG KAUT UNTUNG**

# 3 kementerian bertindak

**EKSKLUSIF**

- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Dalam Negeri akan merangka tindakan bersama dengan pelbagai agensi berkaitan dan mengikut bidang kuasa masing-masing
- PBT akan laksana tindakan penguatkuasaan berkala bagi mengesan pemborong atau penyewa lot niaga di pasar borong yang sewakan lesen dan tapak perniagaan kepada pihak ketiga, termasuk pendatang asing, manakala LKIM boleh bertindak di jeti pendaratan ikan

→ **Ms.8, 9**



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | BERITA HARIAN | LAPORAN KHAS | 8 |

# Penguatkuasaan bersepadu 3 kementerian

**Kerjasama agensi berkaitan dirangka ikut bidang kuasa masing-masing**

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Suhaila Shahrul Annuar, Luqman Arif Abdul Karim dan Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Tiga kementerian akan bekerjasama membela nasib nelayan tempatan yang terus menerima bayaran tidak setimpal dengan keringat mereka.

Lebih menyedihkan, pendapatan diperoleh golongan itu jauh lebih kecil daripada untung diraih pendatang asing yang menjual ikan atau digajikan tauke dan penyewa lot niaga di pasar borong.

Kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu akan dirangka menerusi agensi berkaitan dan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula akan menjalankan penguatkuasaan berkala bagi mengesan pemborong atau penyewa lot niaga di pasar borong dalam kawasan pentadbirannya yang menyewakan lesen dan tapak perniagaan kepada pihak ketiga termasuk pendatang asing.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata isu membelenggu nelayan tempatan seperti didedahkan *BH* semalam memang dipandang serius oleh pihak kementerian.

## Kementerian pandang serius

"Sebagai kementerian yang terbabit secara langsung dengan nelayan dan pemasaran hasil laut, kami memandang serius isu ini dan akan bekerjasama dengan KPDNHEP dan KDN untuk menanganinya," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata, kementeriannya akan bertindak jika kegiatan itu berlaku di Jeti Pendaratan Ikan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), manakala sekiranya berkaitan tauke atau peraih di pasar ikan serta pasar borong, penguatkuasaan di bawah bidang kuasa KPDNHEP selain pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Jika ia membabitkan pendatang asing, kita serahkan kepada KDN untuk bertindak," katanya.

Sementara itu, Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihak kementerian akan mengeluarkan kenyataan lebih terperinci berkaitan isu terbabit, hari ini.

*BH* semalam melaporkan, nasib nelayan yang saban hari memerah keringat memastikan bekalan ikan berterusan untuk rakyat, kekal tidak berubah apabila pulangan diterima masih tidak seberapa, malah jauh lebih rendah daripada pendapatan diraih pendatang asing yang menjual hasil laut itu di pasar borong.



"Sebagai kementerian yang terbabit secara langsung dengan nelayan dan pemasaran hasil laut, kami memandang serius isu ini dan akan bekerjasama dengan KPDNHEP dan KDN untuk menanganinya"

***Salahuddin Ayub,*** *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

## Ambil untung

Hasil tinjauan di Marang, Terengganu dan Sungai Besar, Selangor mendapati bagi ikan kembung, nelayan hanya dibayar antara RM6.50 hingga RM10 oleh peraih bagi setiap kilogram (kg). Peraih kemudian mengambil untung RM2 dan menjualnya pada harga RM8.50 hingga RM12 kepada pemborong.

Di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang contohnya, harga borong yang menjadi 'rahsia terbuka' dalam kalangan pemborong dan pekerja sepatutnya hanya RM13 setiap kg, tetapi penjual yang rata-ratanya pendatang asing dari Myanmar yang dipercayai dibayar gaji oleh pemborong atau penyewa lot di pasar itu mengambil pula komisen sehingga RM1.50.

Ia menjadikan harga meningkat kepada RM14.50 ketika dibeli peniaga runcit yang kemudian menjual pada harga antara RM16 hingga RM22 kepada pengguna, menyaksikan beza harga jualan dari peringkat nelayan sehingga pengguna adalah antara RM10 hingga RM16.

Di Putrajaya, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud, berkata pihaknya komited melaksanakan operasi penguatkuasaan bagi membanteras isu berkaitan warga asing dalam mana-mana sektor, termasuk mereka yang menjual ikan atau bekerja dengan penyewa lot di pasar borong.

"Kerjasama dengan PBT memang dilaksanakan dan akan diteruskan ke arah menangani isu ini secara bersepadu," katanya sambil menambah tindakan akan diambil terhadap warga asing yang melanggar syarat permit mengikut Akta Imigresen 1959/63.

"Terdapat pelbagai kesalahan yang biasa dilakukan warga asing di negara kita, antaranya mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen dan Perkara 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar syarat pas lawatan dengan bekerja secara tidak sah," katanya.

Minggu lalu, Jabatan Imigresen menjalankan operasi diketuai sendiri oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Azis Jamman di Pasar Borong Selangor di Seri Kembangan, yang menyaksikan kira-kira 198 warga asing yang disyaki berniaga secara haram serta menyalahgunakan pas lawatan diperiksa.

Khairul Dzaimee berkata, pihaknya juga komited melaksanakan operasi penguatkuasaan dan penambahbaikan kawalan pintu keluar masuk negara, pengurusan pekerja asing serta hal berkaitan imigresen bagi memastikan negara bebas daripada belenggu pendatang asing tanpa izin dan lambakan warga asing.

# DBKL pantau pemborong, penyewa lot niaga

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memang menjalankan penguatkuasaan berkala bagi mengesan pemborong atau penyewa lot niaga di pasar borong dalam kawasan pentadbirannya yang menyewakan ruang kepada pihak ketiga termasuk pendatang asing.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata prosedur dan garis panduan dikeluarkan DBKL menetapkan setiap pemilik lot tidak boleh mengamalkan konsep 'Ali Baba', iaitu menyewakan lesen dan tapak perniagaan kepada pihak ketiga.

"Kalau lesen atau tapak perniagaan dikeluarkan kepada 'A', kemudian disewakan kepada 'B', maka kita boleh ambil tindakan penguatkuasaan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Khalid berkata, DBKL memang menjalankan pemeriksaan berkala di lokasi 'panas' yang dikatakan dikawal peniaga asing, termasuk rakyat Myanmar yang menggunakan kad pelarian dari Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR).

"Isu ini membabitkan bidang kuasa agensi berbeza, namun bagi Kementerian Wilayah Persekutuan, menerusi DBKL, kita akan melakukan pemeriksaan berkala merangkumi hal pelesenan supaya lot kedai dan hak untuk menjalankan perniagaan tidak 'didagangkan' sewenang-wenangnya.

"Namun, kita sering berdepan masalah apabila pemeriksaan atau rancangan menggempur lokasi 'panas' sering gagal apabila kunjungan penguat kuasa DBKL mendapati tiada warga asing di lokasi. Sama ada maklumat dibocorkan atau wujud 'mata-mata', mungkin 'tonto' diletakkan di tempat strategik bagi mengesan penguat kuasa," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd Yusof Abdul Rahman menyarankan kerajaan mewujudkan sebuah agensi bersepadu yang menggabungkan kekuatan semua agensi berkaitan bagi mengatasi isu berkaitan bekalan, rantaian dan pemasaran ikan di negara ini.

## Gabung agensi, kementerian

Beliau berkata, keupayaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sahaja tidak mencukupi bagi menyelesaikan masalah itu dengan berkesan, sebaliknya mesti menggabungkan semua agensi penguatkuasaan lain.

Katanya, agensi dan kementerian seperti Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mesti digabungkan dengan KPDNHEP bagi menangani isu berkaitan pembekalan ikan yang sudah berlarutan begitu lama.

"Masalah laut dikuasai nelayan asing hingga isu harga melambung di pasaran, penguatkuasaan terhadap rantaian bekalan dan pemasaran ikan, perlukan pembabitan banyak agensi. Contohnya, isu orang tengah atau pemborong, adakalanya membabitkan kumpulan kongsi gelap dan sindiket dan pihak yang wajar ambil tindakan adalah KDN.

"Bagi kes peniaga warga asing termasuk pendatang tanpa izin, ia di bawah Jabatan Imigresen yang mesti mengambil tindakan berterusan terhadap mereka yang secara jelas melanggar permit kerja seperti menguruskan perniagaan di pasar borong.

"Pendatang mesti segera dihantar pulang jika mereka jelas melanggar permit kerja. Perlu langkah bersepadu lebih besar, bukan hanya bertumpu kepada aktiviti penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya membabitkan komitmen lebih besar seperti merangka satu peraturan lebih ketat di setiap rantaian ini," katanya.



*Khalid Samad*

Beliau berkata, jika wujud sebarang kecenderungan atau tindakan ke arah merasuah mana-mana pihak, termasuk agensi kerajaan sendiri, SPRM mesti dibabitkan sekali.

"Ia memerlukan komitmen banyak agensi, gembleng tenaga menyelesaikan isu rantaian pemasaran ikan, termasuk mengekang pekerja asing yang sengaja raih untung atas angin," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | BERITA HARIAN | LAPORAN KHAS | 10 |

# 3 kementerian perlu cari jalan, hapus peraih warga asing

Tiga pihak iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu bertindak segera untuk menangani kegiatan pendatang asing kaut untung besar atas keringat nelayan tempatan.

Perkara ini bukan baharu tetapi sudah berlaku sekian lama, hingga orang asing mampu raih hasil antara RM4,509 hingga RM22,500 sebulan berdasarkan laporan akhbar ini.

Sepatutnya ada sistem penghantaran yang efisien bermula dari nelayan hingga kepada pengguna, bagi mengelak kenaikan harga berlebihan. Hapuskan peraih warga asing, yang dirasakan mampu mengurangkan harga kepada pengguna.

Agak janggal bila peraih dan orang tengah hidup mewah, tetapi nelayan yang berpanas di tengah laut tetap hidup 'kais pagi, makan pagi'. Oleh itu, tiga kementerian terbabit perlu memikirkan kaedah terbaik bagi memastikan nasib nelayan dibela dan pengguna membeli harga hasil laut yang berpatutan, bukan 'menderma duit' kepada peraih asing dan orang tengah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | BERITA HARIAN | LAPORAN KHAS | 9 |

Reaksi



"Kami tak perlu tunggu sehingga petang atau malam untuk jual hasil kerana waktu itu adalah untuk berehat sebelum turun semula ke laut seawal jam 5 pagi"

***Mohd Zamri Mustaffa,***
*Nelayan di Marang*



"Ikan di Terengganu dari gred A berbanding di Pantai Barat, Sabah serta Sarawak, sebab itu harganya berbeza"

***Jamal Nordin,***
*Pemborong ikan*

# Peraih 'talian hayat' kebanyakan nelayan

- Beli semua hasil tangkapan, tempat meminjam jika terdesak

**Oleh Mohd Azis Ngah dan Malik Muhamad**
bhnews@bh.com.my
**Kuala Lumpur**

Sesetengah nelayan tidak kisah melakukan lebih banyak kerja, memerah keringat dan bertarung nyawa di laut walaupun mendapat pulangan tidak setimpal berbanding peraih, pemborong, malah jauh lebih kecil berbanding pendatang asing yang bekerja menjual ikan di pasar borong.

Ia juga menyebabkan usaha Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menggalakkan nelayan menjual sendiri hasil tangkapan, terutama melalui pasar nelayan masih menemui jalan buntu sehingga kini kerana golongan itu lebih selesa menjual kepada tauke atau peraih yang menanti di pangkalan walaupun ditawarkan harga rendah.

Beberapa nelayan yang ditemui *BH* di Terengganu, menganggap peraih atau orang tengah adalah 'talian hayat' mereka kerana bukan sahaja membeli semua hasil tangkapan secara tunai, tetapi membantu ketika mereka terdesak, turut menyebabkan nelayan 'terikat' untuk terus berurusan dengan tauke berkenaan.

Biarpun ramai yakin harga ikan dibeli pengguna akan jauh lebih murah jika nelayan menjual sendiri hasil tangkapan berbanding harga yang melambung tinggi kerana perlu melalui beberapa lapisan pembekalan sebelum sampai di pasaran runcit, golongan itu menganggap dakwaan berkenaan tidak tepat.



***Mohd Zaidi menunjukkan hasil tangkapan** diperoleh di Mersing, Johor.*

### Harga bergantung pelbagai faktor

Menurut nelayan, harga ikan juga ditentukan oleh sumber, gred atau kualiti ikan, cuaca serta faktor bekalan dan permintaan.

Nelayan di Marang, Mohd Zamri Mustaffa, 43, berkata menjual terus kepada peraih adalah pilihan terbaik bagi mereka berbanding menjual sendiri.

"Ramai tidak faham, mendakwa orang tengah punca harga ikan tinggi. Persepsi itu harus diubah kerana peraih hanya ambil untung sehingga RM2 setiap kilogram sebagai kos membantu memasarkan hasil. Kami tak perlu tunggu sehingga petang atau malam untuk jual hasil kerana waktu itu adalah untuk berehat sebelum turun semula ke laut seawal jam 5 pagi.

"Lagi pun, tauke juga jadi tempat kami minta bantuan jika terdesak atau berlaku masalah tidak diingini seperti bot atau peralatan menangkap ikan rosak. Setakat ini, tauke tak pernah tolak permintaan nelayan," katanya yang mempunyai bot sendiri selepas lebih 20 tahun menjadi nelayan.

Nelayan dari Seberang Marang, Mohd Zaidi Yusof, 44, yang juga pernah menjadi nelayan di Mersing, Johor, turut mengakui menjual terus kepada orang tengah membolehkan nelayan mengelak menanggung kerugian jika hasil tangkapan tidak terjual.

### Terpaksa kerja lebih masa

"Kini agak sukar nak tengok nelayan jual sendiri hasil tangkapan, sebaliknya semua dijual terus kepada tauke di pangkalan. Kalau jual sendiri, bukan hanya menyusahkan kerana nelayan terpaksa kerja lebih masa selepas penat menangkap ikan, malah ia boleh merugikan mereka.

"Jika jualan kurang, kami akan tanggung rugi, tetapi jual kepada peraih, kami dapat wang tunai terus daripada tauke," katanya yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan Marang serta mempunyai bot sendiri untuk ke laut.

Sementara itu, pemborong ikan di kawasan sama, Jamal Nordin, 49, menegaskan faktor harga ikan mahal juga berpunca daripada kualiti hasil tangkapan dan kos pengangkutan menghantar bekalan.

"Ikan di Terengganu dari gred A berbanding di Pantai Barat, Sabah serta Sarawak, sebab itu harganya berbeza. Kita juga kena ingat, ada musim memang ikan kurang, belum lagi dikira musim tengkujuh," katanya yang mengakui nelayan lebih senang berurusan dengan orang tengah yang membayar secara tunai.

# Syor tubuh konsortium bantu stabil harga ikan

**Kuala Lumpur:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mencadangkan penubuhan segera konsortium bagi melindungi nasib nelayan yang sekian lama mendapat pulangan tidak setimpal, malah jauh lebih rendah daripada pendatang asing yang menjual ikan di pasar borong.

Syor penubuhan konsortium membabitkan pihak berkepentingan dalam sektor itu juga dapat menstabilkan harga ikan di pasaran agar tidak melambung tanpa kawalan, selain mengambil alih peranan peraih atau orang tengah yang sekian lama meraut untung berlebihan.

Pengerusi LKIM, Muhamad Faiz Fadzil, berkata konsortium berkenaan boleh memainkan fungsi sebagai sebahagian daripada penggiat industri perikanan dan bagi peringkat awal, mungkin boleh fokus di kawasan tertentu seperti Terengganu sebelum diperluaskan.

"Terengganu ada perairan cukup besar, tetapi ikannya mahal. Di sana, memang ramai nelayan dan ada jeti pendaratan ikan, tetapi masalahnya ialah jumlah pendaratan ikan kurang, nelayan lebih suka mendaratkan ikan di pelabuhan Kuantan, Pahang berbanding Chendering," katanya kepada *BH*.

### Bantu kurangkan harga ikan

Faiz berkata, jika konsortium yang dikawal selia LKIM itu berjaya memainkan peranan dengan berkesan, ia boleh membantu mengurangkan harga ikan kerana hasil tangkapan dapat dibekalkan terus ke kawasan tertentu tanpa melalui orang tengah.

"Ini cadangan peribadi saya. Memang kita (konsortium) kena jadi peraih dan penjual, mungkin boleh gunakan kos kerajaan untuk aspek pengangkutan. Kalau kita yang mainkan peranan, beli ikan daripada nelayan dan bawa terus kepada pemborong, ia lebih murah berbanding harga ketika ini.

"Bukan niat saya untuk (LKIM) monopoli pasaran, tetapi perlu ada persaingan sihat supaya pihak berkenaan (orang tengah) akur mereka juga perlu memikul tanggungjawab sosial, bukan hanya melihat keuntungan semata-mata," kata Faiz yang mengakui harga ikan juga ditentukan faktor penawaran dan permintaan.

"Ada kawasan tertentu seperti di bandar, penawaran tinggi kerana penduduk padat, kemampuan kewangan lebih tinggi serta kos penghantaran mahal berbanding sekitar pelabuhan atau luar bandar.

Faktor musim perayaan atau musim tengkujuh juga main peranan kerana nelayan tak tangkap ikan, cuti atau sebagainya, menyebabkan bekalan di pasaran tak cukup," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Hamid Bahari, berkata penggunaan teknologi 'Individual Quick Freezing' (IQF) untuk menyejuk beku ikan segar perlu diperluaskan ke seluruh negara bagi memastikan bekalan sentiasa cukup, terutama pada musim tengkujuh dan perayaan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | SINAR HARIAN | FOKUS HARI INI | 34 |

# Nelayan, pembekal hasil laut dapat jimatkan kos




Masalah lambakan hasil laut dapat diselesaikan sekiranya LPT3 beroperasi.

**PASIR PUTEH** - Persetujuan dan janji Kerajaan PH untuk menyelesaikan pembinaan LPT3 membangkitkan semangat nelayan dan pemborong ikan di sekitar Bachok serta Pasir Puteh terutamanya di kawasan pendaratan hasil laut di Tok Bali.

Seorang pembekal ikan dari Terengganu yang ditemui di Kompleks pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali, Lim Chin Yong, dengan wujudkan rangkaian lebuhraya seperti LPT3 yang menghubungkan Terengganu dan Kelantan, pastinya memberikan banyak rahmat kepada golongan nelayan serta pembekalan sepertinya.

Jelas beliau, jarak perjalanan yang lebih dekat sudah pastinya memberikan kesan positif kepada penjimatan kos bahan api dan sebagainya.

"Saya amat setuju jika kerajaan segerakan buat LPT3 dari Gemuroh, Kuala Terengganu ke Pasir Puteh, Kelantan sebab selama ini saya terpaksa ulang alik jauh untuk dapatkan bekalan ikan di Tok Bali.

"Kalau sudah ada lebuhraya cepat sikit saya boleh datang ambil bekalan dan hantar ke peniaga-peniaga di Kuala Terengganu, Marang dan Setiu," katanya.

Sementara itu, nelayan dari Semerak, Amir Rouduan, 27, berkata, sebagai individu yang terlibat dalam sektor perikanan, dia berharap pembinaan LPT3 dapat disegerakan kerana pelbagai manfaat bakal diperolehi oleh nelayan.

Katanya, masalah lambakan hasil laut dapat diselesaikan dengan adanya lebuh raya berkenaan kerana ia memendekkan perjalanan pembekal dan peraih ikan ke destinasi masing-masing.

"Lambakan berlaku apabila hasil tidak dapat dihantar dengan cepat ke luar ketika masih ada pasaran, jalan raya tidak sesuai melembabkan pemasaran," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | NST | NATION | 6 |



DRY SPELL

# 'RATION WHEN DAM LESS THAN 50PC FULL'



*Geese searching for water at a dried-up padi field in Perlis yesterday.* PIC BY NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN

**Water and energy research group head says this will ensure water supply lasts longer**

KUALA LUMPUR

RATIONING needs to be carried out in areas where the water level in a dam is less than 50 per cent due to the hot and dry season, which is expected to last until May.

Water and Energy Research Association of Malaysia (Awer) president S. Piarapakaran said this was to ensure that the raw water supply would last longer.

"The move is to manage the excessive use of water because in the event of rationing, consumers will reduce their water use," he told Bernama.

Malaysia is expected to experience the dry season until May with Johor, Negri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang and Kelantan recording less than the average annual rainfall of 25 per cent in April and May.

Three dams recorded a capacity storage of around 50 per cent: Muda dam in Kedah at 58.97 per cent; and the Machap and Sembrong dams in Johor at 55.61 per cent and 54.07 per cent, respectively.

Piarapakaran said planning needed to be made before water rationing was implemented, such as providing at least a two-week notice to consumers to avoid panic use.

On whether it was necessary for the government to announce a water emergency and subsequently enforce Section 56 of the Water Services Industry Act 2006 (WSIA), Piarapakaran said he did not see any need for it as the situation was under control.

"If the raw water margin reaches 40 per cent, maybe it (emergency) can be considered. We have never had a water emergency."

WSIA is a emergency power in relation to the use of water resources provided to the water, land and natural resources minister.

Section 56 empowers the minister to prevent the use of water in general or for certain uses, limiting the use and discharge of water at any given time, and imposing additional charges for usage exceeding the prescribed limits.

# Air Itam dam water can last 49 days



*Water drying up at the Air Itam dam in George Town yesterday.* PIC BY MIKAIL ONG

**GEORGE TOWN:** The water level at the Air Itam dam will last only another 49 days if the prolonged drought and excess use by residents continue.

Penang Chief Minister Chow Kon Yeow appealed to the people of Air Itam, Paya Terubong and the surrounding townships here to start saving water, or risk running out of water before the end of May.

The dam serves more than 175,000 people in Air Itam, Paya Terubong and Jalan Masjid Negeri.

Chow, however, said the water supply in other areas in Penang, including the mainland, was normal.

He said to solve the problem, the Penang Water Supply Corporation (PBAPP) had reduced the drawdown from the Air Itam dam, which stood at 50.3 per cent about 9am yesterday. This is compared with the levels recorded on March 22 last year at 93.9 per cent, 80.4 per cent (2017), and 70.4 per cent (2016).

"We have reduced the drawdown by 50 per cent. However, residents should not worry about reduced water pressure as we are pumping in as much water as possible from other water treatment plants outside Air Itam to reduce daily drawdowns from the Air Itam dam."

He said the water from other water treatment plants would reduce their reliance on the dam.

Chow, who is PBAPP chairman, said once the dam's levels dropped to 40 per cent, the state would request that cloud seeding be done in the area.

He said Sungai Muda's low water level was a cause for concern as it supplied 80 per cent of Penang's water supply.

Chow said the river's water level had dropped below 2m in the past 42 days, which was considered an "alert level".

He said the Kedah government had been releasing water from the two dams upstream of the river to cater to Kedah's water demand and by extension, Penang.

Penang extracts water from the river on its side of the state border.

PBAPP chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa said while the Air Itam dam level was low, work was being carried out to rectify its 98m-high abutment at a cost of RM1.6 million.

The abutment has shown signs of water erosion since it was commissioned 57 years ago in 1962, he said, following a heavy bout of rain between September and November in 2017.

Jaseni said if left unrepaired, it would deposit more soil into the dam, affecting raw water quality.

He said the repair would ensure the dam's structural integrity and that of a road that surrounds its perimeter.

The repairs, now at just over the halfway stage, are expected to be completed by the end of July.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | STAR | NATION | 11 |

# Errant pet owners to face brunt of the law

**PETALING JAYA:** Irresponsible pet owners who neglect to give proper care to their animals can face the brunt of the law, said the Society of the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA).

Its Selangor patron Tan Sri Lee Lam Thye warned that they could face action under the Animal Welfare Act 2015.

"Many of us may think that owning a pet is an easy task. Some parents have even bought cute or exotic animals just to make their children happy. They may have forgotten that owning a pet comes with heavy responsibility.

> "Make no mistake, animals are indeed part of our community."
>
> **Tan Sri Lee Lam Thye**

"Make no mistake, animals are indeed part of our community, whether as pets, strays or animals in captivity and those roaming freely in the wild.

"As humans, it is our responsibility to care for them," he said.

Lee said under the Act, all pet owners were required to be fully responsible for the well-being of the animals under their care, which included proper lodging, healthcare and diet.

"Under Section 29 of the Act, those who allow their pets to suffer in pain by reason of mutilation, starvation, thirst, overcrowding or other ill-treatment are liable to a fine of between RM20,000 and up to RM100,000, imprisonment of not more than three years or both," he said.

He said the fact that there were still cases of animal cruelty showed a lack of awareness and responsibility.

Lee called for more animal welfare awareness, especially within the education system.

"The Veterinary Services Department and Education Ministry can discuss further to inculcate and beef up animal welfare education in schools," he said, urging owners to take their responsibilities seriously.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 25/3/2019 | BERITA HARIAN | KEMARAU | 14 |

# Simpanan Empangan Air Itam hanya bertahan 48 hari

**Georgetown:** Simpanan air di Empangan Air Itam, di sini, hanya mampu bertahan untuk 48 hari, susulan cuaca panas yang sedang melanda negara ketika ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata jika hujan turun tidak mencukupi, empangan itu dijangka kehabisan sumber air menjelang akhir Mei ini.

"Empangan Air Itam membekalkan air di bandar Air Itam, Paya Terubong, dan kawasan sekitarnya, membabitkan 175,000 pengguna.

"Kita khuatir jika pengguna tidak mengoptimumkan (penjimatan) penggunaan air harian mereka dari sekarang, kita akan menghadapi masalah air kemudian hari," katanya ketika ditemui semalam.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melawat Empangan Air Itam, di sini.

Bagaimanapun, Kon Yeow berkata, bekalan air di kawasan lain di Pulau Pinang pada tahap normal dan memuaskan.

**Air susut bawah paras amaran**

Bagaimanapun, katanya, paras air Sungai Muda kini susut di bawah paras amaran, dengan yang terkini adalah 1.82 meter.

"PBAPP bimbang dengan paras rendah Sungai Muda kerana ia adalah sumber air mentah utama Pulau Pinang.

"Kami akan terus berjaga-jaga kerana PBAPP mengambil air dari sungai ini di hilir 14 loji rawatan air Kedah dan empat muka sauk pengairan," katanya.

Di Alor Setar, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Fouzi Ali, berkata paras air di tiga empangan utama seliaannya iaitu Empangan Pedu, Muda dan Ahning menurun sedikit berbanding dua minggu lalu, tetapi tidak menjejaskan bekalan air di negeri itu.

Katanya, paras air yang dicatatkan semalam, di Empangan Pedu adalah 61.32 peratus, Muda (45.9 peratus) dan Ahning (81.06 peratus).

Beliau berkata, jumlah purata keseluruhan bagi ketiga-tiga empangan itu berada di tahap 75.68 peratus berbanding 76.21 peratus dua minggu lalu.

"Biarpun berlaku sedikit penurunan namun ia sangat minimum, ia tidak menjejaskan bekalan air untuk kegunaan domestik, industri serta kegunaan tanaman padi bagi musim 1/2019 yang dijangka bermula pada penghujung April ini," katanya kepada *BH*.



"jika hujan turun tidak mencukupi, Empangan Air Itam dijangka kehabisan sumber air menjelang akhir Mei ini"

***Chow Kon Yeow,***
*Ketua Menteri Pulau Pinang*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | KOSMO | GENK | 27 |



# Muhammad Fadhlan penerima Anugerah Pesawah Belia

TIDAK ramai golongan belia pada masa ini yang sanggup bekerja dalam industri pertanian seperti menjadi pesawah dan pekebun.

Pekerjaan yang disaluti lumpur dan perlu berada di bawah cahaya terik matahari itu bukan menjadi pilihan generasi masa kini yang kebanyakannya lebih suka bekerja di pejabat yang dilengkapi penyaman udara.

Namun, berbeza bagi anak kelahiran Pasir Putih, Kelantan, Muhammad Fadhlan Suhaimi apabila memilih kerjaya sebagai pesawah bagi membantu keluarga selain mahu menampung kehidupan sendiri.

Lebih manis, kerjaya yang diceburinya itu telah membantu membangunkan industri padi dan beras negara sehingga mendapat perhatian Padiberas Nasional Bhd. (Bernas).

Muhammad Fadhlan telah menerima Anugerah Pesawah Belia pada penganjuran Anugerah Tani Bernas 2019 yang diadakan pada 18 Mac baru-baru ini.

Penganugerahan itu telah melayakkannya menerima hadiah wang tunai RM5,000, sebuah motosikal Kriss keluaran Modenas, trofi dan sijil.

Ikuti temu bual *GenK* dalam menyelami kerjayanya sebagai pesawah dan apakah wawasan anak muda yang berusia 29 tahun itu.

## LIMA soalan



MUHAMMAD FADHLAN tidak kisah berada di bawah terik matahari.

SAWAH padi yang diusahakan Muhammad Fadhlan seluas 12 hektar.

### 1. Boleh ceritakan sedikit mengenai latar belakang saudara?

SAYA merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik.

Saya berasal dari Pasir Puteh, Kelantan dan masih bujang.

Bapa saya ialah seorang buruh manakala ibu pula peniaga kedai runcit.

Saya berkelulusan sijil kemahiran elektrik dari Kolej Komuniti Kuantan, Pahang.

Hobi saya ialah memancing.

### 2. Bagaimanakah saudara boleh berkecimpung dalam bidang ini?

SEMUANYA bermula dengan datuk saya yang mempunyai 40 hektar tanah pusaka. Dia sering menghabiskan masa di bendang untuk menguruskan tanamannya.

Jadi, sejak kecil saya sudah melihatnya menanam padi namun, minat untuk bekerja dalam bidang ini timbul tiga tahun lalu.

Saya mula serius untuk mempelajari cara penanaman padi dengan betul dan cara menguruskan bendang.

Langkah saya ini bukan sahaja disokong oleh datuk, malah ibu bapa saya juga gembira kerana ada anak yang boleh membantu datuk.

### 3. Apakah cabaran dalam mengendalikan tanaman padi?

OLEH kerana saya bermula daripada bawah, saya perlu belajar banyak perkara. Segala-galanya dilakukan sendiri dengan bantuan dan tunjuk ajar datuk.

Amat mencabar apabila pada tahun pertama, hasil tanaman kurang memberangsangkan kerana kekurangan pengalaman. Namun, saya tidak berputus asa. Saya belajar cara selok-belok menguruskan padi dengan lebih mendalam.

Hanya pada tahun kedua baharu saya mendapat hasil. Saya gembira apabila dinobatkan sebagai Anugerah Pesawah Belia 2019. Akhirnya, penat lelah saya sehingga tak cukup tidur itu berbaloi.

### 4. Apakah harapan saudara pada masa akan datang?

HARAPAN saya ingin memiliki jentera membajak dan menuai bagi melancarkan proses penanaman serta penualan padi.

Jentera berharga RM120,000 itu akan saya beli bagi memudahkan lagi kerja-kerja penanaman padi.

Selain itu, saya berharap dapat menambah keluasan tanaman pada setiap tahun. Kini saya hanya memiliki 12 hektar tanah.




BARISAN penerima Anugerah Tani Bernas 2019 merakamkan gambar kenang-kenangan.

### 5. Apakah nasihat saudara kepada belia di luar sana yang masih mencari pekerjaan?

USAH memilih kerja. Lakukan pekerjaan yang bermanfaat.

Jangan risau minat boleh dipupuk. Mula-mula mungkin susah namun lama-kelamaan semuanya akan menjadi senang. Paling penting jangan putus asa. Sentiasa berdoa dan minta izin ibu dan bapa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 10 |



## Pertambahan hujan diramal menjelang April

**Kuala Lumpur:** Semua negeri diramal menerima pertambahan hujan sebaik negara memasuki fasa kemuncak peralihan Monsun Timur Laut kepada Barat Daya menjelang April ini.

Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, kebanyakan negeri mula menerima hujan seperti biasa cuma masih ada beberapa kawasan di sebelah utara dan pantai timur mengalami masalah kemerosotan hujan.

"Namun, keadaan ini tidak akan berlarutan kerana kita jangkakan dalam sehari dua ini banyak awan akan terbentuk susulan pergerakan arah angin kerana perubahan monsun.

"Keadaan ini akan mendatangkan potensi hujan di banyak tempat termasuk di negeri terjejas," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pembenihan awan tidak sesuai dilakukan berikutan negara memasuki fasa permulaan peralihan Monsun Timur Laut kepada Monsun Barat Daya.

"Hujan sudah ada cuma belum menyeluruh kerana kita baru saja memasuki fasa permulaan peralihan monsun.

"Hujan akan mula banyak apabila kita memasuki kemuncak peralihan monsun pada April ini," katanya.

Katanya, berdasarkan ramalan cuaca jangka panjang sehingga Ogos ini, beberapa negeri menerima hujan sedikit rendah berbanding kebiasaan.

"Memang ada beberapa kawasan mengalami kemerosotan hujan antara 20 hingga 40 peratus lebih rendah berbanding biasa hingga menyebabkan cuaca panas.

"Namun, ini cuma ramalan biasa berdasarkan tinjauan cuaca jangka panjang yang kita akan kemas kini setiap sebulan sekali.

"Mungkin hujung bulan ini keadaan itu akan berubah apatah lagi kita sekarang sedang melalui fasa peralihan monsun yang membawa lebih banyak hujan selepas ini," katanya.

Kelmarin, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar menyatakan Malaysia dijangka mengalami musim kering sehingga Mei ini.

Ia susulan Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pahang dan Kelantan merekodkan hujan kurang daripada 25 peratus purata hujan tahunan bagi tempoh April hingga Mei ini.

Xavier berkata keadaan itu menyebabkan keadaan panas dan kering serta mengurangkan sumber air sungai dan empangan di negeri terjejas.

# RUGI CILI ROSAK

**■ *Dua sahabat rugi RM15,000 tanaman tak menjadi kerana cuaca panas***

Hanneeyzah Bariah Baharin
am@hmetro.com.my

**Marang**

Dua sahabat yang mengusahakan tanaman cili di Kampung Sena Rendang di sini, mengalami kerugian apabila tanaman itu tidak dapat dijual berikutan rosak akibat fenomena cuaca panas.

Muhamad Aiman Md Sidek, 30, yang juga penyanyi dan komposer berkata, beliau menanggung kerugian lebih RM15,000 selepas tanaman cili fertigasi di kebunnya seluas 0.4 hektar rosak dan tidak dapat dijual.

Beliau yang baru berjinak-jinak dengan perusahaan tanaman itu sejak setahun lalu berkata, kerugian itu tidak termasuk kos apabila terpaksa mengupah pekerja untuk membuat boreng air telaga bagi menyiram tanaman cili.

"Sebelum ini saya gunakan air boreng daripada sebuah telaga sedalam 45 meter untuk menyiram tanaman namun kini air telaga itu kering.

"Saya terpaksa keluarkan kos sehingga RM3,000 lagi untuk memboreng telaga itu lebih dalam sehingga 105 meter untuk memastikan ia mengeluarkan air," katanya ketika ditemui di kebunnya di sini, semalam.

Katanya, tahun lalu beliau gembira kerana 4,000 pokok tanaman cili menjadi dan berjaya menjual hasil sehingga lebih 15 tan pada setiap tiga bulan selepas cili matang.

"Namun, tahun ini saya kerugian besar kerana cuaca panas melampau menyebabkan cili menjadi lembik, kekuningan, kekeringan dan tidak segar," katanya.

Muhamad Aiman yang terkenal dengan lagu Bunga Dhia berkata, walaupun harga pasaran borong cili kini meningkat RM12 sekilogram sejak hampir dua bulan lalu berbanding RM8 sekilogram sebelumnya, pengusaha gagal menjual dan meraih keuntungan kerana tanaman banyak yang rosak.

"Cuaca panas menyebabkan pengeluaran cili berkurangan kerana banyak tanaman rosak namun permintaan untuk sayuran itu tinggi menyebabkan berlaku kenaikan harga kerana permintaan lebih tinggi daripada pengeluaran," katanya.

Rakannya, Mohd Mazmizi Firdaus, 28, berkata kebiasaannya setiap tiga bulan, beliau mampu menjual sehingga 13 tan cili matang namun kini tanamannya tidak dapat dijual kerana rosak.

Beliau yang sudah lima tahun mengusahakan tanaman cili fertigasi di kawasan seluas 0.1 hektar berkata, kejadian seumpamanya adalah kali pertama dialami dan beliau tertekan kerana hasil tanaman tidak dapat dijual. "Kebiasaannya tanaman cili ini disiram dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang menggunakan air sungai berhampiran, tetapi kini siram lima kali pun tanahnya masih kering menyebabkan cili tidak mendapat keperluan air secukupnya bagi menghasilkan cili berkualiti.

"Jual harga murah pun pemborong tidak mahu beli kerana cili tidak segar seperti biasa," katanya ketika ditemui.

> "Cili menjadi lembik, kekuningan, kekeringan dan tidak segar" — Muhamad Aiman







| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |



FOTO: RUZAINAH ZAKARIA



MOHD Mazmizi (kiri) dibantu Muhamad Aiman memetik cili di kebun mereka di Kampung Sena Rendang.



MOHD Mazmizi (kanan) bersama Muhamad Aiman menunjukkan cili yang masak di kebun mereka di Kampung Sena Rendang.



CUACA panas yang melanda negara membuatkan payung yang dijual laris.

# Payung laris terjual

**Melaka:** Fenomena cuaca panas sejak lebih dua minggu lalu ternyata membawa tuah kepada peniaga apabila barangan dijual seperti payung dan topi mendapat permintaan tinggi.

Malah, faktor cuaca panas juga tidak menghalang pelancong mengunjungi Bandaraya Melaka Bersejarah sempena musim cuti persekolahan.

Menurut pembantu kedai cenderahati, Nurul Natasha Hussin, 17, pelancong yang singgah ke premisnya bukan saja mencari barangan cenderahati untuk dibawa pulang, malah turut membeli payung dan topi kerana keadaan cuaca yang panas terik.

Katanya, jualan payung dan topi sejak musim panas ini sedikit tinggi seakan pisang goreng panas berbanding sebelum ini.

"Sebelum ini, ada juga pelancong yang cari payung, tetapi tidak seramai waktu ini. Boleh dikatakan sehari puluhan payung terjual.

"Dijangka jualan payung serta topi meningkat lagi memandangkan kini musim cuti sekolah dan ramai yang memilih Melaka sebagai destinasi percutian," katanya ketika ditemui di Jalan Kota di sini, semalam.

Tambah Nurul Natasha, tiada kenaikan harga bagi kedua-dua barangan itu dan dijual seperti biasa.

"Kita menjualnya dengan harga sama iaitu RM10 bagi setiap satu topi dan payung pula RM17 untuk saiz kecil manakala saiz besar RM20," katanya.

# Jual 600kg tembikai sehari



MOHD Ishak menunjukkan tembikai boci telur yang merah.

**Marang:** Cuaca panas dan musim cuti sekolah memberi keuntungan dua kali ganda kepada peniaga tembikai di Kampung Pulau Kerengga, di sini.

Tembikai boci telur yang dijual dengan harga antara RM1.50 hingga RM1.80 sekilogram itu terjual lebih 680 kilogram (kg) sehari berbanding hari biasa hanya sekitar iaitu 100kg.

Selain itu, peniaga, Mohd Ishak Othman, 39, juga terpaksa melanjutkan perniagaannya sehingga jam 9.30 malam berbanding hari biasa hanya sekitar jam 6.30 petang berikutan permintaan tinggi daripada pelanggan.

Mohd Ishak berkata, musim cuti sekolah peluang terbaik buat dia dan peniaga di sepanjang jalan utama di kampung berkenaan meraih keuntungan.

"Selain itu, keadaan cuaca yang panas turut menyebabkan tembikai yang dijual lebih laris berbanding biasa.

"Ketika ini, tembikai memang menjadi pilihan untuk menyejukkan badan selain air kelapa apatah lain buah ini menjadi lebih manis pada musim kemarau," katanya ketika ditemui di gerainya, di sini, semalam.

Ishak atau lebih mesra dipanggil Ameng berkata, tembikai boci telur paling mendapat sambutan kerana rasanya yang lebih manis selain tiada biji.

"Rata-rata pelanggan memang membeli tembikai boci telur berbanding tembikai biasa walaupun harganya lebih mahal berbanding tembikai biasa.

"Sebanyak 500kg dijual dan kebanyakan pelanggan lebih menggemari tembikai boci telur bersaiz sederhana yang beratnya antara dua kg hingga tiga kg sebiji.

"Saya pernah menjual tembikai boci telur seberat 11kg dan menemui tembikai seberat 17kg di ladang tembikai di sekitar kawasan ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 25/3/2019 | NST | NEWS | 7 |





# Kelantan's biggest dam drying up

**KOTA BARU:** The Bukit Kwong dam in Rantau Panjang, the biggest in the state, continues to dry up due to the prolonged hot weather, which struck Kelantan since last month.

State Drainage and Irrigation Department director Kamal Mustapha said the dam's water level was at 14.28m yesterday.

Its normal level is 16.67m.

"The department has been taking measures since early this year. We have released water from the dam to irrigate drought-affected farmlands since January.

"We want to help people, especially farmers who are facing difficulty in getting water supply, after Sungai Golok dried up recently," he said.

Kamal said the department would monitor the dam although it had yet to reach critical level.

He said the dam's critical level was 12.20m.

"We will take whatever steps are necessary," he said.

In **Kuantan**, the Pahang government has called on the federal government to conduct cloud seeding to boost water levels at the state's main rivers.

State Tourism, Environment, Plantation and Biotechnology Committee chairman Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin said the move was necessary as the dry spell had affected Sungai Pahang, Sungai Tembeling, Sungai Jelai, Sungai Semantan and Sungai Kuantan.

He said water at the rivers was not only used for domestic purpose, but also for agriculture and freshwater fish farms.

He said the federal government should conduct cloud seeding to restore the rivers' water levels.

"I will table a report on the main rivers' water levels and what needs to be done to counter the dry spell, including a need for cloud seeding, at the next executive council meeting."

The infobanjir.water.gov.my website, which gave water levels of major rivers, including Sungai Pahang, showed that the main water artery in Pahang had seen a drop of up to 3m.

The Sungai Pahang water level at Paloh Hinai, Pekan, stood at 5.42m compared with its normal level of 6.5m.

In Maran, the water level stood at 11.82m (normal, 14 m), followed by 43.16m in Jerantut (normal, 44m) and 23.12m in Temerloh (normal, 26m).

In addition, Sungai Jelai in Lipis had dipped to 53.44m (normal, 55m), Sungai Bentong in Bentong was at 90.93m (normal, 92m), Sungai Triang in Bera at 30.57m (normal, 31m) and Sungai Kuantan in Bukit Kenau was at 16.18m (normal, 17m).

Water, Land and Natural Resource Minister Dr Xavier Jayakumar on Saturday said Malaysia was expected to continue experiencing the dry spell until May.

He said Negri Sembilan, Johor, Perak, Kedah, Pahang and Kelantan are expected to face water shortages.

Xavier said three dams recorded a storage capacity of around 50 per cent: Kedah's Muda dam at 58.97 per cent, Johor's Machap dam at 55.61 per cent and Sembrong dam at 54.07 per cent.

He said Kelantan's Bukit Kwong dam recorded a storage capacity of 37.28 per cent.



*The water level at the Bukit Kwong dam dropped to 14.28m yesterday.* PIC BY FATHIL ASRI

# Sabah farmers fear for 1,000ha affected by dry spell



*The dry spell has affected the padi fields in Botung 1 and 2, South Tempasuk Scheme and Kesapang (Mile 6).* PIC BY KHAIRULL AZRY BIDIN

**KOTA BELUD:** More than 1,000ha of padi fields here have been affected by the dry spell.

Kota Belud Integrated Agricultural Development Area director Salmah Labulla said the affected areas were Botung 1 and 2, South Tempasuk Scheme and Kesapang (Mile 6). There are no surface water resources nearby and the underground water level is too low to be pumped out.

The padi field project here involves more than 8,000ha.

Farmers in Kampung Sangkir and Tempasuk 2 fear that the drought will dry up the soil and affect their yields.

"For short-term planning, we are providing portable pumps to the affected areas. For those who have yet to start planting padi, they are encouraged to rehabilitate their fields first.

"As for medium-term planning, we are looking at constructing a water reservoir and delaying the planting period," Salmah said.

She said the department was looking at using padi strains that used less water, as well as digging more wells and dams as long-term measures.